

# Harapan PM pada Barisan

**KUCHING, Sabtu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu melihat berlakunya perebutan kuasa dalam sebarang parti komponen Barisan Nasional (BN) yang boleh menעותus huru-hara.

"Saya berharap di Malaysia ini kita tidak membuat sesuatu untuk mendapatkan jawatan, yang boleh merosakkan apa yang telah dibina oleh mereka yang mendahului kita," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB).

"Rebutan kuasa ada pada tempat dan masanya," tambahnya.

Tetapi, kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang harus dipentingkan ialah kestabilan politik dalam parti, negeri dan negara. Tanpa kestabilan politik, wang ringgit tidak berguna.

Hagaitihanapun, Perdana Menteri berkata negara ini bernasib baik kerana rakyatnya tidak terlalu tamak untuk berkuasa.

Beliau menyatakan demikian kerana meskipun demokrasi yang diamalkan sekarang adalah sistem yang adil, ia tidak menjamin kejayaan jika rakyat tidak dapat menggunakannya secara baik dan berkesan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan parti-parti komponen BN supaya bertolak ansur sesama mereka bagi mengelakkan meletusnya keadaan tidak sihat.

Perdana Menteri menegaskan, jika tidak wujud tolak ansur, pertelingkahan akan berlaku dan ini akan menjejaskan demokrasi.

"Sekiranya amalan ini berlaku, parti-parti komponen itu akan pecah menjadi parti yang kecil-kecil dan tidak boleh bergerak dengan berkesan."

Beliau berkata, adalah tidak dapat dielakkan krisis akan berlaku dalam sebarang parti tetapi itu adalah perkara biasa.

Beliau yakin terhadap kewarasan setiap orang dan percaya mereka tidak akan merosakkan pertubuhan yang di-

## Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

bina bersama.

"Janganlah kita belakangkan parti, negeri dan negara kita," katanya.

"Tetapi, yang patut diutamakan ialah kebaikan negara kerana ia akan membawa kebaikan kepada semua."

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, pentadbiran negara tidak akan dapat sempurna dijalankan jika berlaku pertelingkahan sesama sendiri dan antara kumpulan rakyat.

Sebagai contoh, beliau berkata, satu demi satu Kerajaan jatuh dan pembangunan ekonomi negara terjejas kerana pentadbiran tidak dapat dijalankan dengan sempurna, menyebabkan tentera mengambilalih pentadbiran untuk menjamin kestabilan negara.

## Bahaya

"Sistem yang tidak demokratik ini adalah amat bahaya kerana kalau pemerintah menyeleweng, tidak ada kuasa bagi rakyat menentukan penyelesaian ini dapat ditamatkan."

"Sebaliknya, dalam sistem demokrasi, pilihanraya diadakan lima tahun sekali dan jika dalam tempoh itu pemerintahan tidak dapat mentadbirkan negara dengan adil dan amanah, rakyat berhak menggunakan undi memilih Kerajaan baru."

"Dalam sistem feodal dan diktator, rakyat tidak mempunyai sebarang hak. Sebab itu, walaupun ada kestabilan negara mengikut sistem feodal, kita tidak memilikinya. Ini sebabnya kita mahukan sistem demokrasi, walaupun sistem itu terjejas sedikit," tegasnya.

Tetapi, beliau mengingatkan, jika sistem itu terjejas banyak, rakyat juga tidak akan mendapat faedah dari demokrasi.

Dalam hubungan ini, beliau menegaskan perlunya penerapan kepada rakyat mengenai amalan demokrasi demi kestabilan negara.

Perdana Menteri mahukan semua rakyat, melalui parti-parti yang didokong mereka, bertanggungjawab dalam pentadbiran negara.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia